

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 04 DISEMBER 2020

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
 - Bahagian A : 30 Soalan Objektif
 - Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
 - Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
 - Bahagian A : Semua Soalan
 - Bahagian B : 7 Soalan sahaja
 - Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

****** SEMOGA BERJAYA ******

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab **semua soalan**.

1. Elaun Pelajaran akan dibayar kepada anak-anak yang menuntut didalam negeri yang berumur seperti berikut:
 - a. 5 tahun sehingga 25 tahun
 - b. 10 tahun sehingga 25 tahun
 - c. 5 tahun sehingga 28 tahun
 - d. 3 tahun sehingga 25 tahun
2. Berapakah tempoh minima perkhidmatan seseorang pegawai dan kakitangan sebelum dibenarkan untuk memangku jawatan tertentu?
 - a. Setelah ditetapkan dalam jawatan
 - b. Setelah satu tahun perkhidmatan
 - c. Setelah 6 bulan perkhidmatan
 - d. Tiada tempoh minima dipersyaratkan
3. Berikut adalah tiga fokus dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke 21 kecuali
 - a. Skim Perkhidmatan
 - b. Struktur Organisasi
 - c. Pelakuan Organisasi
 - d. Dasar
4. Off-in-Lieu adalah cuti yang diberikan untuk menggantikan waktu bekerja lebih masa (*overtime*). Siapakah yang layak diberikan Off-in-Lieu?
 - a. Bahagian I, II dan III
 - b. Bahagian III, IV, V
 - c. Bahagian II, III, IV
 - d. Bahagian II, III, V
5. Kebenaran memangku akan diberikan oleh pihak-pihak tertentu mengikut taraf jawatan dan tempoh memangku. Pihak manakah yang memberi kebenaran bagi jawatan yang dipangku melebihi tempoh 180 hari atau bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seorang pegawai untuk ditetapkan (memangku secara *substantive*) dalam jawatan yang dipangkunya?
 - a. Menteri di Kementerian masing-masing
 - b. Setiausaha Tetap di Kementerian masing-masing
 - c. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - d. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

6. Cuti Tanpa Catat hanya diberikan kepada pegawai dan kakitangan yang menyertai kegiatan berikut kecuali:
 - a. Mewakili negara melalui acara keagamaan
 - b. Mewakili negara melalui acara sukan atau olahraga
 - c. Mewakili negara atas urusan kemasyarakatan
 - d. Menghadiri kegiatan tabligh di Pakistan
7. Warga Perkhidmatan Awam yang keluar negeri tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan adalah menyalahi peraturan. Apakah tindakan yang boleh diambil keatasnya?
 - a. Diberikan amaran bertulis dan diturunkan pangkat
 - b. Diturunkan pangkat dan gaji dan dipindah jabatan
 - c. Dibuang kerja dengan tidak perlu diadakan perbicaraan tatatertib
 - d. Digantung daripada menjalankan tugas serta merta dan gaji dan segala elaun ditahan 50%
8. Seorang pegawai atau kakitangan dalam Bahagian III yang baru dilantik telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya pada 1 Disember 2020. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya?
 - a. 1 Disember 2021
 - b. 31 Disember 2021
 - c. 30 November 2021
 - d. 1 Januari 2022
9. Elaun Rumah Ke Pejabat dihulurkan kepada seorang pegawai yang menggunakan kereta miliknya sendiri dan jarak jauh dari rumah ke pejabatnya adalah melebihi 43.5 kilometer. Berapakah kadar elaun yang akan diterimanya sebulan?
 - a. \$58
 - b. \$55
 - c. \$52
 - d. \$49
10. Ciri-ciri TPOR adalah seperti berikut kecuali:
 - a. Jelas/Spesifik/Khusus
 - b. Mudah disebarluaskan
 - c. Kepuasan Hati Pelanggan
 - d. Munasabah/Praktikal

11. Ahli-Ahli Kumpulan Kerja Cemerlang ditegah daripada membincangkan perkara-perkara berikut kecuali:

- a. Dasar Kementerian dan Jabatan
- b. Tindakan tatatertib
- c. Mengenalpasti, memilih dan menganalisis masalah berkaitan tugas
- d. Penempatan dan perpindahan

12. Pekerja yang mempunyai nilai-nilai ini arif dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepadanya dengan baik dan berkesan didalam jangka waktu yang ditetapkan. Ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam yang dimaksudkan adalah:

- a. Qudwah dan qiadah teladan Kepimpinan
- b. Sabar, tabah dan bersopan santun amalan terpuji
- c. Cekap, cepat dan tepat tuntutan kerja
- d. Bersih, jujur dan amanah amalan mulia

13. Apakah definisi Pegawai Penilai Semula dalam sistem Penilaian Prestasi Kakitangan Perkhidmatan Awam?

- a. Ketua Jabatan
- b. Pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga dan mengawasi pekerjaan dan kesejahteraan serta menilai prestasi pegawai dan kakitangan yang didalam bidangkuasa arahannya secara langsung
- c. Pegawai atau kakitangan yang terkandung dibawah pengawasan dan arahan pegawai yang lebih kanan
- d. Pegawai yang lebih kanan dalam Kementerian atau Jabatan berkenaan yang mempunyai hubungan secara langsung dalam pekerjaan dan pengawasan pegawai atau kakitangan yang dikendalikan oleh pegawainya

14. Berapakah kadar baksis yang diberikan kepada semua peringkat pegawai kontrak tempatan?

- a. 20 % daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh untuk kontrak pertama dan kedua
- b. 25 % daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh untuk kontrak pertama dan kedua
- c. 20 % daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh
- d. 25 % daripada gaji pokok terakhir bagi tiap-tiap bulan perkhidmatan penuh

15. Seorang pegawai Kerajaan yang pada masa ini berjawatan tetap dalam tanggagaji B.2 EB.3 telah menjalani Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut dan memperolehi Ijazah Sarjana pada 13 Julai 2020. Sila nyatakan berapa kenaikan gaji akan dihulurkan kepada beliau atas kejayaannya mendapatkan Ijazah Sarjana tersebut.
- 1 kenaikan gaji
 - 2 kenaikan gaji
 - 5 kenaikan gaji
 - Tidak ada kenaikan gaji
16. Berapakah jumlah Elaun Pakaian yang dihulurkan kepada pegawai yang menghadiri Latihan Dalam Perkhidmatan di negara-negara bermusim sejuk semasa musim sejuk?
- \$1500
 - \$1000
 - \$500
 - \$300
17. Tatacara persuratan di antara Setiausaha Tetap dengan Jabatan yang bukan dalam kementeriannya adalah:
- Bersurat dan memorandum
 - Bersurat (letterhead)
 - Memorandum
 - Minit
18. Pencarum akan menerima manfaat bayaran bulanan (anuiti) daripada simpanan Persaraan Caruman Tambahan apabila mencapai umur 60 tahun untuk tempoh berapa tahun?
- Seumur hidup
 - 20 tahun
 - 15 tahun
 - 10 tahun
19. Apakah dia makna 3PSA?
- Tiga Program Prestasi Sektor Awam
 - Pengredan Prestasi Sektor Awam Versi Ketiga
 - Program Pengredan Prestasi Sektor Awam
 - Program Pengiktirafan Prestasi Sektor Awam

20. Dayang Hjh Sara binti Hj Ahmad adalah seorang pegawai dalam perkhidmatan sebulan ke sebulan dengan sukatan gaji B.3 dan berkhidmat selama 15 tahun. Dia memohon elaun cuti bagi dirinya, suaminya yang bekerja dengan sebuah Government Linked Company dan 5 orang anak yang berumur 22 tahun yang belum berkahwin dan masih menuntut di UNISSA, 18 tahun sedang menuntut di UK atas biasiswa kerajaan, 15 tahun dan 11 tahun bersekolah di sekolah swasta dan seorang anak damit berumur 18 bulan. Berapakah jumlah elaun cuti yang bakal diterimanya bagi dirinya dan keluarganya?
- a. \$5,152
b. \$4,592
c. \$4,032
d. \$3,473
21. Sesuatu jawatan kosong untuk di “trade off” bagi maksud mengadakan gelaran jawatan yang sudah ada dalam Perkhidmatan Awam hendaklah dihadapkan melalui Setiausaha Tetap kepada pihak yang berkuasa mempertimbangkan. Siapakah yang dimaksudkan pihak berkuasa itu?
- a. Jabatan Perdana Menteri
b. Kementerian Kewangan dan Ekonomi
c. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
d. Jabatan Perkhidmatan Awam
22. Elaun Sara Hidup tidak diberikan kepada pegawai-pegawai yang menerima gaji pokok sebulan sebanyak
- a. \$7010
b. \$6800
c. \$5900
d. \$5400
23. Surat Pemberitahuan JPA Bil 14-2020 Skim LDP Dalam Negeri Bagi Sesi Akademik 2020-2021 mempersyaratkan seorang pegawai hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi
- a. Sekurangnya Gred A bagi dengan jumlah markah purata sekurang-kurangnya 92% bagi 2 tahun kebelakangan
b. Sekurangnya Gred A bagi dengan jumlah markah purata sekurang-kurangnya 92% bagi 3 tahun kebelakangan
c. Sekurangnya Gred B dengan jumlah markah purata sekurang-kurangnya 85% bagi 2 tahun kebelakangan
d. Sekurangnya Gred B dengan jumlah markah purata sekurang-kurangnya 85% bagi 3 tahun kebelakangan

24. Bagi pegawai atau kakitangan yang sedang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut dan berhasrat untuk meninggalkan negeri tempat berkursus semasa sesi kursus perlu mendapatkan kebenaran daripada institusi di mana pegawai atau kakitangan mengikuti program latihan/kursus/pengajian dan
- Mendapatkan kebenaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - Memaklumkan Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di negara tempat pengajian
 - Memaklumkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan
 - Kebenaran tidak perlu diperolehi
25. Pekerja bergaji hari boleh disokong untuk dilantik ke dalam Perkhidmatan Open Vote setelah berkhidmat sekurangnya:
- 3 tahun
 - 5 tahun
 - 10 tahun
 - 15 tahun
26. Berapakah tempoh ikat janji (bond) dengan Kerajaan bagi pegawai atau kakitangan yang mengikuti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) selama tiga (3) tahun sehingga kurang daripada empat (4) tahun?
- 5 tahun
 - 7 tahun
 - 9 Tahun
 - 11 tahun
27. Kumpulan Kerja Cemerlang dilakukan dengan teknik-teknik tertentu kecuali
- Spider Web Analysis
 - Fish Bone
 - Force-Field Analysis
 - Key Performance Indicator
28. Asas kenaikan pangkat mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83 adalah
- Kelayakan rasmi, pengalaman dan merit
 - Kelayakan rasmi, pengalaman dan senioriti
 - Kelayakan rasmi, kebolehan dan prestasi
 - Kelayakan tertinggi dan integriti

29. Skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) merupakan skim tambahan kepada Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP). Berapakan kadar caruman serta jumlah maksima caruman setiap bulan bagi pekerja dan majikan?
- a. Kadar Caruman Pekerja 2.5%, Majikan 2.5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
 - b. Kadar Caruman Pekerja 3.5%, Majikan 3.5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
 - c. Kadar Caruman Pekerja 5%, Majikan 5%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja dan Majikan tidak terhad
 - d. Kadar Caruman Pekerja 3%, Majikan 3%; Jumlah Maksima Caruman Pekerja B\$98; Majikan B\$98
30. Tempoh lantikan memangku bagi jawatan-jawatan yang lain dalam Bahagian I, II, III dan IV adalah selama
- a. 1 hari atau lebih
 - b. 7 hari atau lebih
 - c. 10 hari atau lebih
 - d. 11 hari atau lebih

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon adalah dikehendaki untuk menjawab **tujuh (7) soalan sahaja**. Setiap soalan mempunyai **5 markah**.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Huraikan tatacara Penetapan Tarikh Lahir. Hj Ahmad bin Abu Bakar dilahirkan pada bulan Januari 1968. Berapakah tarikh lahirnya yang ditentukan mengikut Peraturan Am?
2. Nyatakan 5 sahaja insentif-insentif yang dikaitkan dengan penilaian prestasi.
3. Tujuan dan Kuasa Audit Dalaman.
4. Nyatakan tatacara mengisyiharkan hadiah kepada pihak berkuasa serta nyatakan hukuman bagi kesalahan pegawai Kerajaan meminta atau menerima hadiah secara tidak jujur.
5. Keadaan yang membolehkan Wang Simpanan TAP dikeluarkan serta peratus yang dapat dikeluarkan.
6. Nyatakan Majlis-Majlis Rasmi Negara yang mana semua pegawai dan kakitangan walaupun tidak dijemput menghadiri dimestikan berada di dalam negeri. Nyatakan satu sahaja alasan yang munasabah kerana tidak menghadiri Majlis-Majlis Negara.
7. Kerahsiaan Maklumat Kerajaan dan tindakan jika didapati bersalah.
8. Jelaskan maksud Lantikan Memangku hanya dibenarkan pada peringkat 2 talian sahaja (3 markah). Nyatakan perkiraan kadar elaun memangku jika pegawai itu tidak dikehendaki menjalankan tugas-tugas biasanya (2 markah).
9. Sila nyatakan lapan (8) kategori jawatan yang mandatori lulus dalam Peperiksaan GO dan FR (4 markah) serta nyatakan peperiksaan tambahan yang Pegawai Pentadbir perlu lulus (1 markah).
10. Berapa lamakah elaun insentif kewangan bulanan akan dihulurkan dan berapakah jumlah elaun insentif kewangan bulanan yang dihulurkan mengikut gred markah bagi Kertas GO dan FR?

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon adalah dikehendaki **menjawab dua (2) soalan sahaja**. Setiap soalan mempunyai **17 ½ markah**.

SOALAN 1 – HAL EHWAL CUTI

1. Nyatakan keadaan dimana para pegawai dan kakitangan tidak akan mendapat kelayakan cuti tahunan. (7 markah)
2. Merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/1998, sila nyatakan siapakah yang membenarkan permohonan Cuti Tidak Bergaji mengikut tempoh cuti dipohonkan serta huraikan pengecualian dalam beberapa keadaan tertentu. (5 markah)
3. Guru dan tenaga pengajar dari Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama yang tidak mempunyai peruntukan cuti tahunan boleh diberikan Cuti Kahwin dengan menerima gaji penuh semasa tempoh pengambilan cuti kahwin. Sila nyatakan tempoh Cuti Kahwin yang dibenarkan. (3 markah)
4. Terangkan Cuti Khas Menunaikan Fardhu Haji. (2 markah)
5. Berapakah hak cuti tahunan bagi pegawai Bahagian I yang berumur 40 tahun dan keatas? (½ markah)

SOALAN 2 – KELAKUAN DAN TATATERTIB

1. Sila nyatakan Pengguna Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan dalam Bahagian I, II, III, IV dan V serta bergaji hari? (2 markah)
2. Apakah dasar yang digunakan dalam melaksanakan tindakan tatatertib? (5 markah)
3. Tindakan yang perlu diambil oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan jika pegawai atau kakitangan mendapat hukuman sabit kesalahan jenayah. (3 ½ markah)
4. Senaraikan Tindakan Tatatertib yang boleh dikenakan kepada warga Perkhidmatan Awam mengikut kesalahan yang dilakukan. (7 markah)

SOALAN 3 – PENGIKLANAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Jabatan Perkhidmatan Awam mempunyai (7) kekosongan jawatan. Dua (2) Pegawai Kakitangan Kanan, tiga (3) Pegawai Kakitangan, dua (2) kerani. Jawatankuasa Pengurusan memutuskan supaya jawatan Pegawai Kakitangan Kanan untuk diberi peluang dalaman manakala jawatan Pegawai Kakitangan untuk diambil di kalangan graduan lepasan ijazah dan urusan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sendiri.

Awda selaku pegawai yang mengendalikan pentadbiran diminta untuk memberikan cadangan yang khusus bagi memenuhi keperluan diatas.

1. Terangkan kaedah-kaedah pengiklanan yang memenuhi ketiga-tiga jenis jawatan berkenaan. (6 markah)
2. Selain daripada kaedah di atas, sila terangkan satu lagi kaedah pengiklanan yang ada. (2 markah)
3. Terangkan kaedah penubuhan jawatankuasa pengambilan bergaji hari dan penetapan jawatan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 2/2007. (4 $\frac{1}{2}$ markah)
4. Kadar Pembayaran Gaji Hari bagi yang berkelulusan HND, Ijazah Lulus, Ijazah Kepujian, Ijazah Sarjana, PhD. (5 markah)